

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



Pada tahun 2004, seawal hari pendaftaran saya di UiTMCT, saya sudah mengenali sosok PM Norudin Mansor, seorang "super senior" di Fakulti Pengurusan Perniagaan. Saya yakin semua pensyarah di Fakulti Pengurusan Perniagaan di UiTMCT yang mula berkhidmat dari tahun 2000-2016 mengenali beliau sama ada secara rapat atau jauh.

Beliau mempunyai perwatakan yang peramah dan boleh membuat jenaka. Kadang-kadang watak seorang pendidik jelas pada tutur kata beliau apabila menyantuni pensyarah baru seperti saya. Saya juga melihat beliau bukan sekadar rakan sejawat, bahkan beliau juga guru dalam dunia akademik saya.

Saya masih ingat bagaimana beliau begitu gigih menulis dan membentangkan kertas kerja di konferen dan seminar. Walaupun bidang kami berlainan, namun saya dapat mempelajari ilmu menulis dan membentangkan di konferen dan seminar daripada beliau. Beliau tidak lokek dengan ilmu dan sangat prihatin untuk memberi bimbingan. Jika dapat hadir bersama dalam konferen, khasnya konferen yang melibatkan bidang sains sosial atau kemanusiaan, saya sangat kagum dengan kepetahan beliau membentangkan. Selalunya beliau memilih untuk menggunakan bahasa Inggeris. Memang wajarlah, kerana beliau berkelulusan dari sebuah universiti di Amerika Syarikat.

Detik yang paling mengujakan ialah apabila beliau duduk bersama kami sebagai peserta. Tanpa gentar dan segan silu, beliau pasti akan

eISSN 2600-9811

Prof. Madya Norudin Mansor *Dalam Kenangan*

SIRI 1

Azman Che Mat
Akademi Pengajian Bahasa
UiTM Cawangan Terengganu

“Beliau mempunyai perwatakan yang peramah dan boleh membuat jenaka.”

“Beliau tidak lokek dengan ilmu dan sangat prihatin untuk memberi bimbingan.”

bangun dan melontarkan soalan kepada pembentang. Saya perhatikan beliau akan memberi tumpuan kepada metodologi kajian seperti populasi, persampelan, instrumen kajian dan tatacara analisis data. Cara menulis artikel penyelidikan banyak saya pelajari daripada beliau. Kaedah menyediakan kertas penyelidikan yang bersifat saintifik adalah berbeza dengan pengalaman saya sewaktu belajar di peringkat ijazah sarjana muda (Universiti Jordan) dan sarjana (UKM). Gaya penyediaan artikel penyelidikan saintifik ini benar-benar membuka minda akademik saya untuk terus melekat dan asyik dengan dunia akademik.

Banyak lagi pengalaman manis bersama beliau sebagai "super senior". In shaa Allah saya akan kongsi lagi kenangan bersama beliau dalam catatan yang akan datang.

BizNewz 2021 | 91

